

Headline **KWSP senarai 55 penyakit kritikal**
Date **15 Jul 2011**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **32**
Article Size **182 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,597**
PRValue **10,791**



Termasuk AIDS di bawah Pengeluaran Kesihatan KWSP senarai 55 penyakit kritikal

Oleh **AIDA RIZMARIZA KAMARUDDIN**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 14 Julai - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menambah senarai penyakit kritikal daripada 39 kepada 55 termasuk AIDS di bawah Pengeluaran Kesihatan bermula esok.

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Tan Sri Azlan Zainol (**gambar**) berkata, selain itu, kebenaran turut diberikan kepada ahli untuk mengeluarkan simpanan bagi membeli peralatan bantuan kesihatan.

Menurut beliau, langkah itu diambil bagi membantu mengurangkan beban ahli yang memerlukan rawatan perubatan segera.

"Faedah Pengeluaran Kesihatan yang dikaji semula ini meliputi tambahan 16 penyakit termasuk penyakit pulmonari obstruktif kronik teruk (COPD), fibrosis paru-paru,

penyakit radang usus kronik, sklerosis sistemik dengan hipertensi pulmonari, AIDS dan juga tiga jenis penyakit mental yang jika tidak dirawat dengan segera akan memudaratkan pesakit.

"Sementara itu, pengeluaran pembelian peralatan bantuan pula dibenarkan untuk merawat kanser, penyakit kardiovaskular, sistem respiratori, sistem saraf, sistem muskuloskeletal dan telinga," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah Azlan, kali terakhir KWSP memperluaskan senarai penyakit kritikal adalah pada 15 Jun tahun lalu iaitu daripada 15 kepada 39 penyakit.

"Di bawah Pengeluaran Kesihatan, ahli boleh mengeluarkan simpanan daripada Akaun Dua bagi membayar kos rawatan perubatan penyakit kritikal untuk diri sendiri atau ahli keluarga.

"Bagaimanapun ahli tidak layak memohon jika menerima rawatan kesuburan dan rawatan alternatif seperti akupunktur atau perubatan tradisional," ujarnya.

Bagi ahli yang ingin melihat senarai penuh penyakit kritikal serta peralatan bantuan kesihatan boleh melayari laman web *myEPF* di www.kwsp.gov.my atau mengunjungi cawangan KWSP yang terdekat.

